

**TEKS UCAPAN
AMANAT TAHUN BAHARU
KETUA PENGARAH
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN KERAJAAN
TEMPATAN
PADA 21 JANUARI 2022 (JUMAAT)**

PENDAHULUAN

1. Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Yang Berusaha Encik Omran bin Omar TKP(P)
Yang Berusaha Puan Samilah binti Mashuri TKP(T)
Barisan pengarah-pengarah JKT, pegawai-pegawai serta warga kerja JKT yang saya hormati dan kasihi sekalian.

Warga JKT yang dihormati dan dikasihi sekalian,

2. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita dapat mengadakan Majlis Bacaan Yasin dan Majlis Amanat Tahun Baharu Ketua Pengarah JKT Tahun 2022.
3. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2022 kepada semua warga JKT. Dengan ketibaan tahun baharu 2022 ini, maka bermulalah lembaran baru untuk kita bagi merencanakan kehidupan yang lebih cemerlang di masa akan datang.
4. Tahun 2021 menyaksikan kita diuji dengan cabaran yang cukup besar dan getir iaitu pandemik COVID-19 dan disusuli dengan bencana banjir yang agak luar biasa yang melanda di negeri

Selangor, Pahang, Terengganu, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor pada bulan Disember 2021.

5. Saya merakamkan ucapan takziah dan keprihatinan JKT terhadap 11 orang warga Jabatan yang terkesan dengan bencana banjir yang melanda kawasan rumah masing-masing di Negeri Selangor. JKT melalui Kelab JAKET telah menyalurkan sumbangan dan menghantar sukarelawan bagi membersihkan rumah warga JKT yang teruk dilanda banjir baru-baru ini. Semoga sumbangan yang diberikan sedikit sebanyak dapat meringankan beban yang dihadapi oleh mereka dan memberi sokongan untuk bangkit semula membina kehidupan masing-masing.

Warga JKT yang dihormati dan dikasihi sekalian,

6. Sebagaimana yang telah dizahirkan melalui perhimpunan bulanan yang lalu, JKT telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan inisiatif hasil daripada kerjasama semua pihak di Jabatan ini sepanjang tahun 2021.
7. Saya ingin menzahirkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada seluruh warga kerja JKT atas kecemerlangan dan komitmen yang telah diberikan dan saya berharap JKT dapat mengekalkan momentum pencapaian ini untuk menghadapi cabaran baharu dalam tahun 2022. Biarlah JKT tersohor sebagai salah satu Jabatan yang terbaik di KPKT.

HALA TUJU TAHUN 2022

8. Bagi tahun ini, JKT mempunyai banyak perancangan yang perlu dilaksanakan untuk menjayakan projek-projek pembangunan yang berfokuskan kepada kriteria *people-centric*, berimpak tinggi serta selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Pada tahun ini, JKT menerima peruntukan mengurus sebanyak RM68.5 juta di bawah Dasar Sedia Ada, RM367.9 juta di bawah Program Khusus dan sebanyak RM415 juta di bawah peruntukan Pembangunan.

Warga JKT yang dihormati dan dikasihi sekalian,

9. Pada tahun 2022, JKT telah menetapkan sebanyak tujuh (7) inisiatif yang akan dilaksanakan berdasarkan *core business* Jabatan dan keutamaan yang sentiasa menjadi fokus Pengurusan Atasan KPKT iaitu:
 - (a) Menaik taraf 50 buah pasar malam terpilih daripada seluruh negara di bawah Program Transformasi Pasar Malam. Inisiatif ini bakal melibatkan kerja-kerja menaik taraf infrastruktur dan kemudahan pasar malam serta mewujudkan keseragaman penampilan dan pengoperasian selaras dengan era endemik;
 - (b) Memperluas penggunaan Sistem PBTPay kepada PBT di negeri Johor dan mengadakan libat urus bersama-sama PBT di negeri Sabah dan Sarawak. Kita mensasarkan 151 PBT akan mengiktiraf PBTPay sebagai alternatif perkhidmatan pembayaran *cashless* dan *counterless* terbaik;
 - (c) Memperkasakan pelaksanaan Program Kesihatan Persekitaran bersepadu melibatkan penarafan tandas awam bersih, penarafan premis makanan bersih dan pembasmian 'hotspot' denggi melibatkan 80 lokaliti terpilih di dalam kawasan PBT yang melibatkan 80 lokaliti terpilih di dalam kawasan PBT;
 - (d) Memperkasakan pengurusan pasar yang mampan dan pintar menerusi Program Pasar Sejahtera yang akan menambah baik dan menaik taraf pengurusan fasiliti, kemudahan, sanitasi dan pengoperasian. JKT mensasarkan untuk pelaksanaan dua (2) projek perintis menaik taraf pasar awam serta melaksanakan taklimat mengenai keperluan Pasar Sejahtera kepada PBT;
 - (e) Melaksanakan pengintegrasian dengan empat (4) sistem melalui modul *Application Programming Interface* (API) bagi Sistem OSC 3.0 Plus Online untuk menggalakkan perkongsian data dengan sistem lain untuk urusan permohonan pelan pemajuan yang bersepadu. Selain itu, kita akan menambah baik format pengemukaan pelan-pelan pemajuan di dalam Sistem OSC 3.0 Plus Online untuk meningkatkan keupayaan penyediaan ulasan teknikal yang lebih tepat dan terperinci;

- (f) Memperkasakan pelaksanaan cerapan data secara berpusat di JKT bagi mewujudkan inventori cerun berisiko di kawasan PBT seluruh Malaysia. Buat masa ini, JKT melaksanakan sesi libat urus bersama PBT yang mempunyai cerun berisiko tinggi sebelum bekerjasama melaksanakan cerapan data secara terus; dan
- (g) Menyelaraskan laporan kemalangan di kawasan PBT yang diperolehi menerusi POL 27 di bawah Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi menentusahkan lokasi 'black spot' menerusi sesi libat urus bersama-sama PBT.

PENUTUP

- 10. Akhir kata, saya ingin warga JKT berasa lebih optimis untuk kekal memberikan komitmen yang terbaik dalam apa jua tugas yang diamanahkan.
- 11. Saya memohon ke hadrat Allah SWT, agar usaha kita sentiasa diberkati dan dipermudah segala urusan. Marilah kita bersama-sama melangkah ke tahun baharu 2022 dengan lebih gagah, yakin dan berani bahawa tahun ini akan lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya, insyaAllah. *We must rise to the challenge.*
- 12. Sebelum saya sudahi amanat ini, izinkan saya menyampaikan dua (2) rangkap pantun:

**Tahun 2021 berlabuh pergi
Pelbagai dugaan telah dihadapi
Namun usaha tidak berhenti
Semangat jati diri masih utuh berdiri**

**Tahun 2022 telah menjelma
Suka duka, usaha dan doa kita bersama
Apa pun azam kita semua
Moga tercapai hendaknya**

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah.
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.